



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

WARGA PENDIDIK TERUS DISANTUNI MENERUSI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL LHDNM

Klang, 30 Oktober 2018 - Warga pendidik terus disantuni menerusi aktiviti tanggungjawab sosial (SR) anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Klang yang dianjurkan bersempena dengan Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan, Sekolah-sekolah Daerah Klang 2018 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Unjur Klang, Selangor.

Majlis tersebut menyaksikan penyerahan sumbangan alat bantuan mengajar kepada lima buah sekolah terpilih di daerah Klang, Selangor iaitu :

- I. Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Rahimah
- II. Sekolah Kebangsaan Taman Sri Andalas
- III. Sekolah Kebangsaan Sungai Udang
- IV. Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kong Hoe
- V. Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Jalan Meru

YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) LHDNM dalam ucapannya berkata “LHDNM mempunyai visi dan misi yang tersendiri dalam usaha untuk memperkasa sektor pendidikan negara yang kini berada dalam fasa perubahan yang lebih baik di bawah kepimpinan kerajaan baharu. Perkara ini dibuktikan dengan komitmen berterusan LHDNM dalam menyantuni warga pendidik dengan sumbangan alat bantuan mengajar bagi membantu para pendidik menerapkan nilai inovasi serta kreativiti dari segi pengajaran dan pembelajaran”.

Program “2 in 1” ini juga menyaksikan pelancaran “Galeri Pendidikan Cukai” di lobi SMK Batu Unjur yang memaparkan maklumat-maklumat percukaian yang boleh dijadikan panduan oleh para guru, ibu bapa dan murid-murid berkenaan hal ehwal percukaian negara. Ini secara tidak langsung membuktikan komitmen LHDNM dalam memastikan mesej kesedaran cukai dapat dipanjangkan kepada orang ramai menerusi kaedah yang lebih kreatif dan inovatif selaras dengan perkembangan semasa.

Program ini turut dihadiri oleh YB Encik Tony Leong Tuck Chee (ADUN Pandamaran), Puan Hajah Adliyah Bt Ramli (Pegawai PPD Klang), Puan Rozina Shaik Osman Merican (Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM), Tuan Haji Sezali Othman (Pengarah LHDNM Cawangan Klang), pegawai LHDNM, para guru, ibu-bapa dan murid-murid sekolah yang diraikan.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 Oktober 2018.



Gambar 1: Datuk Mohd Nizam Sairi Semasa Menyampaikan Ucapan Alu-Aluan.



Gambar 2 : Sesi Penyampaian Sijil Penghargaan



Gambar 3 : Perasmian Galeri Pendidikan Cukai di lobi SMK Batu Unjur